

Akta awasi sekolah agama swasta dikaji

UM 2 SFP 2001

KUALA LUMPUR 1 Sept. — Kerajaan sedang mengkaji memperketatkan undang-undang bagi mengawasi sekolah agama swasta berikutan ada pihak cuba mengaut keuntungan wang ringgit dan politik hasil pengendaliannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan juga mendapati ada orang memberi gambaran seolah-olah berpindah dari sekolah kebangsaan ke sekolah agama swasta sebagai satu ibadat yang dituntut oleh Islam.

Sedangkan pada masa yang sama, pelajar terpaksa membayar yuran dengan kemudahan sekolah agama yang tidak setimpal, daif serta dikendalikan oleh guru-guru tidak terlatih.

Tambah menghairankan lagi, jika pelajar berkenaan ke sekolah kebangsaan, mereka bukan sahaja tidak perlu membayar yuran malah disediakan pula dengan kemudahan yang jauh lebih baik.

"Kita sedang fikir tentang (memperketatkan) undang-undang (berkaitan) institusi pelajaran kerana kita dapati ada orang yang menggunakan tarikan agama untuk memperoleh pendapatan dengan mendirikan sekolah.

"Juga mereka (pelajar) diberi gambaran bahawa berpindah ke sekolah agama ini satu ibadat. Yang ini jadi masalah dan orang ini terpengaruh dengan pendapat bahawa mereka lakukan yang terbaik bagi agama kononnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Pendidikan Melayu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Terdahulu dalam ucapannya

Dr. Mahathir berkata, statistik yang dikumpul oleh Kementerian Pendidikan menunjukkan 30 peratus daripada murid sekolah rendah tidak meneruskan pelajaran mereka ke sekolah menengah.

Menurutnya, hampir semua daripada mereka adalah penuntut Melayu dan lelaki.

"Di manakah mereka pergi? Mungkin ke sekolah-sekolah agama swasta, di mana mereka juga akan belajar mengikut kurikulum kebangsaan," katanya.

Kemudahan

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan tahu kemudahan di sekolah-sekolah swasta ini tidak mencukupi.

"Bangunan biasanya daif dan ramai daripada guru tidak terlatih.

"Apakah sebabnya yang murid-murid ini meninggalkan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dengan cukup lengkap untuk pergi ke sekolah swasta yang serba kekurangan dan membayar yuran.

"Mungkin jawapannya ialah mereka ingin belajar agama. Mungkin mereka dan ibu bapa mereka berminat untuk melihat anak mereka lebih alim dalam bidang agama. Mungkin mereka berpendapat pelajaran agama di sekolah-sekolah kebangsaan terlalu cetek dan tidak mencukupi.

"Tetapi sebenarnya pelajaran yang disampaikan di sekolah-sekolah (agama swasta) tidak tertumpu kepada agama Islam," kata Dr. Mahathir.

Ramai daripada mereka hanya belajar tentang ketidakislanan

kerajaan dan hampir semua daripada mereka menyertai politik pembangkang.

"Mereka (pelajar) dikawal supaya tidak terdedah kepada penjelasan oleh kerajaan. Pengetahuan mereka dalam bidang agama sebenarnya cetek, tidak seperti pelajar-pelajar agama dahulu yang menguasai ilmu agama yang sebenar," katanya.

Sementara itu Dr. Mahathir dalam sidang akhbar turut mendedahkan kajian yang dibuat baru-baru ini terhadap hampir 300 pelajar universiti yang menganggotai satu kumpulan, mendapati mereka terlalu dipengaruhi sentimen sebagai "orang Islam sebenar".

"Mereka tidak fikir mereka orang Melayu tetapi sebagai orang Islam, iaitu Islam yang menentang kerajaan. "

"Kalau kita bercakap dengan mereka tentang persaudaraan yang dituntut dalam Islam, mereka kata nak saudara apa... Dr. Mahathir ini Firaun, kafir dan dajal," katanya.

"Semua ahli kumpulan ini panggil saya anjing dan dalam Internet panggil saya dajal. Jadi, bila budak-budak baca macam mana ni kerajaan boleh diterajui oleh syaitan.

"Oleh itu, kita perlu lawan. Dan ada juga orang marah sampai sanggup buat kumpulan ekstremis untuk jatuhkan kerajaan," kata beliau lagi.